

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [KEMAMAN]

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan jumlah penglibatan sektor swasta dan agensi Kerajaan dalam Industri Tenaga Boleh Diperbaharui di Malaysia sekaligus mencapai sasaran 20 peratus dalam penjanaaan Renewable Energy (RE) sebelum tahun 2025.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pembangunan industri Tenaga Boleh Baharu (TBB) di Malaysia adalah bersifat "*business driven*" di mana sektor swasta melabur secara langsung dan melaksanakan sepenuhnya projek-projek TBB.
2. Bagi mencapai sasaran 20% kapasiti TBB dalam campuran pembekalan elektrik negara menjelang tahun 2025, dianggarkan pelaburan sebanyak RM33 bilion diperlukan. Sehingga 31 Disember 2019, sebanyak RM18.1 bilion telah dilaburkan oleh pihak swasta dalam pembangunan projek-projek TBB menerusi program *Feed-in Tariff* (FiT), *Net-Energy Metering* (NEM) dan *Large Scale Solar* (LSS).
3. Sehingga 31 Mac 2020, terdapat seramai 10,453 Pemegang Kelulusan Galakan (PKG) Program FiT dengan jumlah kapasiti terpasang sebanyak 1,243.39MW. Bagi program NEM pula, jumlah pemegang kelulusan adalah sebanyak 2,210 dengan jumlah kapasiti sebanyak 175.72MW. Sementara bagi Program LSS, kuota sebanyak 1,633.96MW telah diluluskan kepada 63 pemaju.

Sekian, terima kasih.